

NOTA PENYELIDIKAN

PENYELIDIKAN SEMASA MENGENAI ISU PEMERDAGANGAN MANUSIA DI MALAYSIA^{©Σ}

NADIRAH MOHD AZMI*, INTAN SURIA HAMZAH†,
DAN MARSHAYANTI MOHAMAD RAZALI‡

ABSTRAK

Nota penyelidikan ini bertujuan untuk menilai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam menangani isu pemerdagangan manusia terutama dari aspek polisi, perundangan, penguatkuasaan, penjagaan dan perlindungan, liputan media serta kempen-kempen kesedaran. Menggunakan pendekatan kualitatif analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual mendalam dengan wakil pelbagai agensi seperti Pejabat Strategik Nasional (NSO) bagi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (NSO-MAPO), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan ahli akademik, hasil kajian mendapat terdapat dua bahagian utama, iaitu aspek perlindungan dan penguatkuasaan, yang perlu ditambah baik bagi menangani isu ini. Aspek ini mempunyai pelbagai kelemahan yang perlu diperbaiki, antaranya adalah literasi dalam kalangan agensi kerajaan Malaysia khususnya dari segi perlindungan dan penguatkuasaan. Oleh itu, adalah disarankan untuk menyesuaikan amalan terbaik untuk menangani pemerdagangan manusia di kalangan negara anggota ASEAN dengan belajar daripada negara seperti Thailand, Filipina dan Singapura.

Kata kunci: literasi, pemerdagangan manusia, penguatkuasaan, perlindungan, perundangan

[©] Para Penulis. 2023. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [creative common (CC)]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0>], yang membenarkan penggunaan, pengedaran, pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan SINERGI).

^Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 21 Disember 2022; Tarikh penerimaan: 10 Mei 2023; Tarikh penerbitan: 31 Julai 2023.

* **Penulis Pertama:** Nadirah Mohd Azmi, PhD (*Leeds*) merupakan Pensyarah kanan, Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: nadirah.azmi@fsk.uspi.edu.my

† **Penulis Kedua dan Penghubung:** Intan Suria Hamzah, PhD (*UKM*), merupakan Pensyarah kanan, Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: intan.hamzah@fsk.uspi.edu.my

‡ **Penulis Ketiga:** Marshaelyanti Mohamad Razali, PhD (*USM*) merupakan Pensyarah kanan, Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karektor, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: marshela@fsk.uspi.edu.my

RESEARCH NOTE**CURRENT RESEARCH ON HUMAN TRAFFICKING IN MALAYSIA**

**NADIRAH MOHD AZMI, INTAN SURIA HAMZAH AND
MARSHAYANTI MOHAMAD RAZALI**

ABSTRACT

This research note evaluates the Malaysian government's efforts to combat human trafficking. The study examines policies, legislation, enforcement, care and protection, media coverage, and awareness campaigns. Using a qualitative approach of document analysis, observation, and interviews with representatives from various agencies, including the National Strategic Office (NSO) for Anti-Trafficking in Persons and the Migrant Anti-Smuggling Council (NSO-MAPO), non-governmental organizations (NGOs), and academics. The study reveals that two main areas require improvement: protection and enforcement. These aspects have various weaknesses that need to be addressed, including low literacy among government agencies regarding protection and enforcement. Therefore, it is recommended that Malaysia adopt the best practices from ASEAN member countries, such as Thailand, the Philippines, and Singapore, to combat human trafficking effectively.

Keywords: literacy, human trafficking, enforcement, protection, legislation

Pengenalan

Jenayah pemerdagangan manusia mula mendapat perhatian di peringkat antarabangsa sejak tahun 1990-an apabila ia mula memberi impak kepada keselamatan dan hak asasi manusia (Zarina dan Norazizan 2016; Zarina *et al.* 2015; Zarina *et al.* 2013). Negara Malaysia telah disifatkan sebagai negara transit dan destinasi yang menguntungkan bagi pengedaran untuk merekrut mangsa mereka (Heni *et al.* 2022; Mohd Firdaus dan Mohd Ikbal, 2022). Ini sebahagiannya disebabkan oleh lokasinya yang strategik dan peluang ekonomi yang luas (Nafisah 2021; Nur Zulaikha dan Yarina 2017). Justeru, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha dari segi polisi, perundungan, penguatkuasaan, penjagaan dan perlindungan, liputan media serta kumpen-kumpen kesedaran. Dalam aspek penguatkuasaan, pihak kerajaan berusaha meningkatkan siasatan, serbuan, tangkapan, penubuhan unit anti pemerdagangan orang (ATIP) serta menjalankan hubungan kerjasama antara agensi penguatkuasa, majikan dan NGO. Aspek perlindungan pula meliputi usaha-usaha seperti menubuhkan rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang, sesi kaunseling dan aktiviti kemahiran. Manakala, dari aspek publisiti terdapat usaha-usaha seperti iklan dan hebahan kesedaran bercetak dan atas talian. Akhir sekali, usaha-usaha kerajaan dalam aspek perundungan dapat dilihat melalui penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, pembelaan dan pendakwaan.

Badan bukan kerajaan (NGO) seperti Tenaganita dan *Good Shepherd* turut menyumbang dalam membanteras jenayah ini khususnya dari aspek literasi. NGO memberikan bantuan dari segi latihan penterjemahan bahasa Tagalog, bahasa Mandarin dan bahasa Khmer. Dalam pada masa yang sama, NGO turut membantu rumah perlindungan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Walaupun kerajaan Malaysia dan NGO telah melakukan pelbagai usaha untuk membendung masalah pemerdagangan orang, namun dalam Laporan Pemerdagangan Orang yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat (TIP) pada tahun 2021, Malaysia telah diturunkan ke laras 3, yang menandakan bahawa negara tersebut tidak melakukan apa-apa usaha dan tidak mengaplikasikan sepenuhnya *Trafficking Victim Protection Act (TVPA)* (TIP Report 2021). Malah, keputusan Laporan Semakan Berkala Sejagat (UPR) 2018, memaparkan Malaysia telah dikecam kerana tidak menghormati hak asasi manusia terutama melibatkan perintah perlindungan seperti tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit dan keterbatasan bekerja di luar rumah perlindungan.

Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen, pemerhatian di lapangan dan temu bual secara mendalam ke atas informan yang dipilih secara autoritatif, dari pelbagai agensi termasuk temubual NGO dan sarjana pakar bidang. Data sekunder telah dikumpul daripada bahan bercetak dari sumber yang boleh dipercayai. Ini termasuklah Laporan daripada NGO iaitu Tenaganita dan *Good Shepherd*, Laporan Pemerdagangan Orang yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat (TIP 2020-2022), Laporan Semakan Berkala Sejagat (UPR 2018), dan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (2019). Dokumen rasmi daripada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan Malaysia telah digunakan dalam mengumpul data sekunder iaitu melibatkan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal, Laporan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO Malaysia), Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (NHRAP), Modul Hak Asasi Manusia PDRM dan Kenyataan Media Kementerian Dalam Negeri (2019). Selain itu, kajian ini juga menggunakan pelbagai jenis artikel ilmiah daripada beberapa pangkalan

data seperti *Advanced Journal of Social Science*, *Sage Journal*, *Science Direct* serta berita dalam talian dari astroawani.com, bharian.com.my, utusan.com.my dan website rasmi my.usembassy.gov. Data utama kajian ini merupakan hasil temu bual separa berstruktur yang telah dikumpul sejak April 2021 hingga Februari 2022. Temu bual ini melibatkan 47 informan seperti yang tersenarai dalam Jadual 1. Informan ini dipilih berdasarkan pengalaman, kepakaran dan pengetahuan mereka tentang isu pemerdagangan orang di Malaysia.

Jadual 1: Perincian Keseluruhan Bilangan Informan Kajian

| Bil. | Peserta | Tarikh |
|------|--|-------------------|
| 1 | JTKSM (1) | 20 Jun 2021 |
| 2 | AGC (1) | 22 September 2021 |
| 3 | AGC (2) | 30 September 2021 |
| 4 | Ahli Akademik (1, UIA) | 29 September 2021 |
| 5 | Ahli Akademik (1, UKM) | 29 September 2021 |
| 6 | Ahli Akademik (3, UKM) | 6 November 2021 |
| 7 | Ahli Akademik (4, UKM) | 18 November 2021 |
| 8 | Ahli Akademik (5, UUM) | 6 November 2021 |
| 9 | KPM (1) | 3 November 2021 |
| 10 | PDRM (1) | 5 November 2021 |
| 11 | JIM (1) | 6 November 2021 |
| 12 | KSM (1) | 9 November 2021 |
| 13 | UNHCR (1) | 24 November 2021 |
| 14 | Rumah Perlindungan Kelantan (1) | 12 Januari 2022 |
| 15 | Rumah Perlindungan Kota Kinabalu (1) | 11 Januari 2022 |
| 16 | Rumah Perlindungan Johor (1) | 12 Januari 2022 |
| 17 | Rumah Perlindungan Kuala Lumpur (1) | 14 Januari 2022 |
| 18 | Rumah Perlindungan Wanita Zon Tengah (1) | 14 Januari 2022 |
| 19 | APMM (1) | 7 Februari 2022 |
| 20 | Pengurus Felda Pasuh, Jelebu (1) | 8 Februari 2022 |

| | | |
|----|---|------------------|
| 21 | Rumah Perlindungan Khas Wanita (1) | 10 Februari 2022 |
| 22 | Rumah Perlindungan Khas Wanita (1) | 10 Februari 2022 |
| 23 | Rumah Perlindungan Khas Wanita (1) | 10 Februari 2022 |
| 24 | Rumah Perlindungan ke-4 (1) | 10 Februari 2022 |
| 25 | Pekerja Warga Indonesia Felda Pasuh, Jelebu (1) | 7 Februari 2022 |
| 26 | Pekerja Warga Indonesia Felda Pasuh, Jelebu (2) | 7 Februari 2022 |
| 27 | Pekerja Warga Indonesia Felda Pasuh, Jelebu (4) | 7 Februari 2022 |
| 28 | Pekerja Warga Indonesia Felda Pasuh, Jelebu (4) | 7 Februari 2022 |
| 29 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (1) | 7 Februari 2022 |
| 30 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (2) | 7 Februari 2022 |
| 31 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (3) | 7 Februari 2022 |
| 32 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (4) | 7 Februari 2022 |
| 33 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (5) | 7 Februari 2022 |
| 34 | Pekerja Warga Bangladesh Felda Pasuh, Jelebu (5) | 7 Februari 2022 |
| 35 | Pekerja Warga India Felda Pasuh, Jelebu (1) | 7 Februari 2022 |
| 36 | Pekerja Warga India Felda Pasuh, Jelebu (2) | 7 Februari 2022 |
| 37 | Pekerja Warga India Felda Pasuh, Jelebu (3) | 7 Februari 2022 |
| 38 | Pekerja Warga India Felda Pasuh, Jelebu (4) | 7 Februari 2022 |
| 39 | Pekerja Warga Bangladesh Top Glove, Klang (1) | 9 Februari 2022 |
| 40 | Pekerja Warga Bangladesh Top Glove, Klang (2) | 9 Februari 2022 |
| 41 | Pekerja Warga Bangladesh Top Glove, Klang (3) | 9 Februari 2022 |
| 42 | Pekerja Warga Bangladesh Top Glove, Klang (4) | 9 Februari 2022 |
| 43 | Penghuni Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Perempuan, Rembau (1) | 9 Februari 2022 |
| 44 | Penghuni Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Perempuan, Rembau (2) | 9 Februari 2022 |
| 45 | Penghuni Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Perempuan, Rembau (3) | 9 Februari 2022 |
| 46 | Penghuni Rumah Perlindungan ke-4 (1) | 9 Februari 2022 |
| 47 | Penghuni Rumah Perlindungan ke-4 (2) | 9 Februari 2022 |

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian mendapati cabaran dan kelemahan terutamanya dari aspek penguatkuasaan dan perundangan, kurangnya koordinasi antara agensi terlibat, kelewatan pendakwaan yang mengambil masa yang panjang, kekurangan kaunselor, pusat perlindungan yang kurang selesa, penalti yang mampu bayar atau rendah dikenakan pada penjenayah, adalah antara kelemahan yang boleh diperbaiki. Adalah dicadangkan agar Malaysia mengadaptasi amalan terbaik dari negara TIP kategori Laras 2 dan 1 seperti Singapura dan Indonesia, untuk Malaysia mengatasi isu pemerdagangan orang di negeri ini dan seterusnya dapat menambahbaik imej hak asasi manusia.

Temu bual bersama mangsa di pusat perlindungan pada 14 Februari 2022, menjelaskan isu yang berkait rapat dengan perundangan. Dimaklumkan bahawa mangsa berada di pusat perlindungan terlalu lama menunggu giliran mereka untuk didakwa atau dibicarakan di mahkamah. Tambahan lagi, terdapat situasi di mana kes terpaksa ditangguhkan walaupun ada kalanya mangsa sudah berada di mahkamah dan tiada pilihan selain kembali ke pusat perlindungan kerana perbicaraan ditangguhkan. Berdasarkan kenyataan mangsa ini, penyelidik mengenalpasti kelemahan berikutnya iaitu koordinasi dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Ini dijelaskan oleh Jabatan Peguam Negara dalam sesi temu bual pada 21 September 2022, tahap pemahaman yang berbeza tentang jenayah pemerdagangan, impak serta hubungan kerjasama setiap agensi yang berbeza.

Hasil kajian lapangan yang telah dijalankan pada Februari 2022, di Rembau, Negeri Sembilan, menggambarkan situasi sebenar keadaan buruh paksa. Walaupun wanita telah dieksplorasi secara seksual, pekerja lelaki pula terdedah kepada situasi buruh paksa. Rumah pekerja terlalu kecil, gaji yang diterima adalah gaji dibawah paras gaji minimum, waktu bekerja yang panjang, keperluan perubatan pekerja tidak disediakan. Dalam temu bual yang dibuat, para pekerja ini menyebut bahawa mereka tidak mempunyai pilihan selain tinggal dan bekerja untuk terus hidup (Temu bual bersemuka bersama Mangsa, Rembau 8 Februari 2022). Begitu juga dengan kajian lapangan di asrama pekerja *Top Glove Corp Bhd*. Penyelidik mendapati majikan menyediakan sebuah rumah kecil untuk pekerja migran yang berasal dari negara Nepal dan Bangladesh. Rumah tersebut boleh memuatkan kira-kira 20 pekerja dengan dua bilik air. Walaubagaimanapun, rumah tersebut adalah kecil, sempit dan tidak selesa. Gaji dibayar berbeza kepada pekerja tempatan dan pekerja migran. Secara keseluruhan, mereka tidak berpuas hati dengan keadaan mereka dan merasakan bahawa mereka telah menjadi mangsa oleh majikan mereka sendiri (Temu bual bersemuka bersama Mangsa *Top Glove Corp Bhd*, 8 Februari 2022).

Kesimpulan

Kerajaan Malaysia telah melakukan beberapa usaha yang berkesan dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia. Namun begitu, hasil temubual mendapati majikan masih tidak mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan seperti mangsa buruh paksa di diladang kelapa sawit dan juga di *Top Gloves*. Ada halangan dan Malaysia masih diletakkan pada tahap yang tidak memuaskan terutamanya dalam membantu mangsa.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati sekurang-kurangnya dua cabaran besar masih dihadapi negara iaitu dari aspek penguatkuasaan dan perundangan. Penyelarasan

antara pelbagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab nampaknya menjadi halangan untuk ditangani dalam menangani isu pemerdagangan manusia. Sementara itu, menunggu lama pihak pendakwaan dan kelewatan nampaknya menjadi satu lagi halangan yang perlu ditangani bagi menyelesaikan isu jenayah pemerdagangan manusia. (TIP Report 2023, meletakkan Malaysia di Laras 2 Dalam Perhatian)

Penghargaan dan Pengisytiharan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (*anonymous reviewers*) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Kajian ini melibatkan tajaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UPSI/02/5) yang telah diterima oleh para penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Selain itu, projek ini melibatkan kerjasama penyelidikan dengan para penyelidik dari Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Para penulis dan Penyelidik juga ingin merakamkan setinggi penghargaan bagi sokongan penyelidikan yang telah diberikan oleh FSSK, UKM, UPSI, CENTHRA, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pusat Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Manusia serta ahli akademik di beberapa universiti awam lain yang lain kerana membolehkan kajian ini mencapai objektifnya.

Rujukan

- KDN, Malaysia.* 2019. "Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Ken Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis." *Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia.* Dilayari pada 29 Julai 2023. https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/LAPORAN_RCI_BM_COM.pdf
- Nafisah, Ilham Hussin., dan Ahmad Miqdad Shamsuddin. 2021. "Perkembangan Ekonomi di Malaysia sebagai Lubuk Jenayah Pemerdagangan Manusia untuk Eksplorasi Seksual." Dlm *Isu Kemanusiaan dalam Matlamat Pembangunan Lestari*, disunting oleh Muhammad Ridhwan Sarifin dan Mohd Hairy Ibrahim, 133-153. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Nur Zulaikha Afifah Abd Rohim and Yarina Ahmad. 2017. "Factors Contributing to Women Trafficking in Malaysia: Perspectives from Policy Maker, Implementers & Non-Governmental Organization." *Journal of Administrative Science* 14, no. 3: 1-23.
- Othman, Zarina and Nor Azizan Idris. 2016. "Illicit Drugs as Human Security Threat in East Asia." In *Advancing the Regional Commons in the New East Asia*, edited by Siriporn Wajjwalku, Kong Chong Ho and Osamu Yoshida, 29-52. London: Routledge.
- Othman, Zarina., Nor Azizan Idris, dan Mohd Kamal Omar. 2015. "Pemerdagangan Manusia dan Keselamatan Insan di Malaysia." Dlm *Migrasi dan Keselamatan*, disunting oleh Zarina Othman and Nor Azizan Idris, 50-76. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Othman, Zarina., Nur Ruhana Nasuha Abdullah Jian and Abdul Halim Mahamud. 2013.“Non-Traditional Security Issues and the Stability of Southeast Asia.” *Jurnal Kajian Wilayah* 4, no. 2: 150-164.
- Shahri, Mohd Firdaus., dan Mohd Ikbil Mohd Huda. 2022. “Konflik di Selatan Thailand: Implikasi Terhadap Keselamatan Nasional Malaysia.” *E-Bangi* 18, no. 3: 138-158.
- SUHAKAM. 2019. “Laporan Tahunan 2019.” *Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)*. Dilayari pada 29 Julai 2023. <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2021/02/SUHAKAM-LT2019-1.pdf>
- Susanti, Heni., Syafrinaldi, dan Wira Atma Hajri. 2022. “Perbandingan Aturan Hukum tentang Tindak Pidana Perdagangan Orang di Indonesia dan Malaysia.” *Kodifikasi* 4, no. 1: 91-108.
- UNHRC. 2018. “Universal Periodic Review (UPR) 31st Session.” *Human Rights Situation in Malaysia*. Geneva: United Nations Human Rights Council (UNHRC).
- US Department of State. 2021. “Trafficking in Persons Report: Malaysia.” US Department of State. Accessed on August 25, 2022. <https://my.usembassy.gov/our-relationship/official-reports/2021-trafficking-in -persons-report-malaysia/>